

**SOALAN-SOALAN LISAN**  
**MESYUARAT KELIMA TAHUN PERTAMA**  
**DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS**  
**PERAK DARUL RIDZUAN**

**PADA 7 DISEMBER 2023 (KHAMIS)**

---

**1. YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN ( PASIR PANJANG )**

- a) Adakah Cadangan untuk menjadikan Lumut sebagai Defence City atau Bandar Pertahanan ketiga negara masih dalam perhatian Kerajaan Negeri?
- b) Sehingga kini, apakah inisiatif-inisiatif yang diambil ke arah merealisasikan matlamat ini?

**2. YB ENCIK SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH ( SELINSING )**

Apakah rancangan jangka Panjang kerajaan bagi mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku hampir setiap tahun di bandar Bagan Serai terutamanya di Sekolah Menengah Alang Iskandar dan kawasan sekitarnya?

**3. YB DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMAHRI ( KUALA KURAU )**

Susulan kejadian bot terbalik di Pantai Teluk Batik, Lumut pada 28 Ogos lalu dan mengorbankan nyawa seorang mangsa yang berasal dari Bagan Tiang Parit Buntar.

1. Apakah tindakan yang telah diambil terhadap pengusaha bot rekreasi terbabit?
2. Apakah langkah yang telah diambil supaya kejadian tersebut tidak berulang?

**4. YB DATO' ZAINOL FADZI BIN PAHARUDIN ( SUNGAI MANIK )**

Program Santunan Kasih  
Negeri Perak mempunyai bilangan warga emas yang tinggi.

1. Apakah inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mengerakkan program santunan kasih?
2. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan program santunan kasih ini konsisten untuk jangka masa yang panjang?

**5. YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN ( TRONG )**

Berlaku kekurangan katil pesakit di wad kecemasan Hospital Taiping sehingga terpaksa menggunakan katil perkhemahan untuk pesakit. Apakah langkah kerajaan dalam memperbaiki kelemahan ini?

**6. YB PUAN WONG MAY ING ( PANTAI REMIS )**

Apakah status terkini pelaburan teknologi hijau di Negeri Perak oleh pelaburan asing dan tempatan, dan nyatakan jumlah pelaburan sejak tahun 2015?

**7. YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY ( HUTAN MELINTANG )**

**PERUNTUKAN BELANJAWAN BAGI MENAIKKAN ELAUN JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JPKK) DAN PENGHULU**

Dalam cabaran menguruskan komuniti masyarakat di kawasan, JPPK dan PENGHULU turut terkesan dengan masalah kitaran ekonomi semasa. Cadangan untuk menaikkan atau mengkaji semula elaun JPKK dan Penghulu adalah amat wajar berikutan Negeri Perak masih ketinggalan dari segi bayaran elaun berbanding negeri-negeri lain. Adakah Kerajaan Negeri bersedia mengkaji dan melaksanakan perkara tersebut?

**8. YB ENCIK MOHAMAD AMIN BIN ROSLAN ( PENGKALAN HULU )**

Banjir Kilat di Pengkalan Hulu

- a) Apakah plan tindakan Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan saliran (JPS) Negeri Perak bagi memastikan sungai – sungai di Hulu Perak, khususnya di Dun pengkalan hulu diselenggara secara berjadual?
- b) Apakah tindakan proaktif Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah banjir di Pengkalan Hulu dan berapakah peruntukan tahunan untuk penyelenggaraan mengatasi masalah banjir ini?

**9. YB PUAN WONG CHAI YI ( SIMPANG PULAI )**

MEGOPLEX dan SILVERITAGE

- a) Apakah perancangan Kerajaan negeri atas bangunan terbiar seperti Bangunan Megoplex yang telah dikosongkan sejak tahun 2017?
- b) Senaraikan jumlah dan jenis usahawan dalam Kompleks Silveritage Galleria di Medan Gopeng.
- c) Adakah prestasi Kompleks Silveritage Galleria sebagai tapak perniagaan usahawan tempatan dan pusat setempat bagi semua produk keluaran negeri telah dicapai?

**10. YB ENCIK AHMAD BIN MAN ( KUALA SEPETANG )**

Penternak lembu yang membiarkan haiwan mereka berkeliaran sehingga di jalan raya, serta berkeliaran di halaman rumah penduduk juga merosakkan harta benda serta tanaman penduduk serta mengancam keselamatan penduduk.

Apakah tindakan Kerajaan keatas PENTERNAK jika kawasan itu Keluar Dari Kawasan Majlis(PBT)?

**11. YB DR NAJIHATUSSALEHAH BINTI AHMAD ( BOTA )**

Apakah status usaha-usaha yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri Perak untuk membantu rakyat Perak bagi mendapatkan bekalan beras?

Berapa banyakkah stok beras tempatan yang ada dalam negeri Perak bagi menampung keperluan rakyat Perak setiap tahun?

**12. YB ENCIK AZIZI BIN MOHAMED RIDZUWAN ( LUBOK MERBAU )**

Apakah usaha Kerajaan Negeri Perak dalam memastikan Guru Agama Dakwah (GAD), guru takmir, guru tauliah dan para asatizah di seluruh negeri Perak ini benar-benar berperanan dalam menyampaikan dakwah Agama Islam di seluruh negeri Perak, khususnya kepada non Muslim, orang asli dan lain-lain?

**13. YB ENCIK CHOONG SHIN HENG ( CHENDERIANG )**

Banjir kilat sering melanda Kampung Baru Chenderiang yang dikenalpasti berpunca dari sistem saliran dan sungai. Ini telah menyebabkan kerugian kepada masyarakat setempat dan menjaskan urusan harian mereka.

a) Berdasarkan jawapan yang diberi oleh kerajaan pada Sidang Dewan Negeri lepas, JPS telah memohon peruntukan untuk kerja-kerja pemuliharaan Sungai Chenderiang serta kerja-kerja berkaitan untuk mengurangkan risiko banjir dengan menjalankan kerja-kerja pengukuhan tebing Sungai Chenderiang di Kampung Baru Chenderiang. Bilakah kerja-kerja pemuliharaan Sungai Chenderiang serta kerja-kerja pengukuhan tebing Sungai Chenderiang di Kg Baru Chenderiang akan bermula?

**14. YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG ( ASTAKA )**

LuMIC

- i. Apakah status terkini untuk Pembangunan projek LuMIC?
- ii. Setakat bulan Oktober 2023 , berapakah jumlah pelaburan yang telah ditarik di bawah projek LuMIC?
- iii. Adakah satu pelabuhan kontener kargo akan dibangunkan dalam LuMIC dan jangka masa pelabuhan tersebut akan disiapkan?

**15. YB ENCIK RAHIM BIN ISMAIL ( CHANGKAT JERING )**

Apakah tindakan kerajaan negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (MPT) tentang bangunan pasar minggu Changkat Jering (Kawasan DUN Changkat jering) yang telah siap dibina sepenuhnya sejak tahun 2008 tetapi tiada peniaga yang beroperasi sehingga kini, sedangkan kos pembinaanya menelan belanja jutaan ringgit.

Dalam jawapan bertulis pada sesi lalu, tawaran telah dikeluarkan kepada Agensi LKIM. Adakah LKIM menerima tawaran tersebut atau ada Agensi lain yang telah diberi tawaran?

**16. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN ( CANNING )**

Apakah bilangan dan peratus penduduk Perak yang miskin (pendapatan RM1500 ke bawah) di bawah DUN Canning, pecahan dalam jantina dan ras?

**17. YB ENCIK NGA KOR MING ( KEPAYANG )**

Menu Rahmah

Minta YAB Menteri Besar Perak nyatakan apakah usaha kerajaan negeri untuk memperhebatkan inisiatif menu Rahmah serta langkah-langkah lain yg berkaitan untuk buktikan kerajaan prihatin untuk membantu rakyat negeri meringankan kos sara hidup?